

MAIS pertahan tindakan Khusrin
Malaysiakini.com
Disember 29, 2010

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mempertahankan tindakan setiausahanya Datuk Mohd Khusrin Munawi dalam beberapa isu kontroversi, antaranya pengendalian isu pentauliah dan larangan berpolitik dalam masjid di negeri itu.

Timbalan setiausahanya Abdul Halem Hapiz Salihin berkata, setiausaha majlis yang juga pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) hanya menjalankan dasar dan ketetapan majlis, sejajar dengan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Dalam masa yang sama, tambahnya, segala dasar dan ketetapan yang dibuat adalah melalui mesyuarat majlis yang keanggotaannya diperkenan oleh Sultan Selangor atau jawatankuasa tetap yang dilantik.

"Selaku setiausaha MAIS, beliau (Mohd Khusrin) bertanggungjawab menjalankan segala dasar dan ketetapan yang telah diputuskan," katanya.

Dalam satu kenyataan hari ini, Abdul Halem Hapiz menjelaskan, isu berkaitan penarikan balik tauliah kepada ahli parlimen Shah Alam Khalid Samad diputuskan oleh jawatankuasa tauliah negeri Selangor.

Manakala dalam isu larangan berpolitik di masjid-masjid pula dibuat dan disahkan dalam Mesyuarat MAIS pada 4 Mei lalu ekoran titah Sultan Selangor yang melarang berpolitik di masjid-masjid seluruh negeri.

Agensi pelaksanaan

"Bagi kedua-dua isu ini, setiausaha MAIS selaku ketua pegawai eksekutif majlis bertanggungjawab memaklumkan kepada masyarakat umum melalui media mengenai keputusan yang telah diambil.

"Setiausaha MAIS selaku pengarah JAIS juga memastikan dasar dan ketetapan ini dipatuhi oleh masyarakat umum melalui penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JAIS selaku agensi pelaksana," katanya lagi.

Nama Mohd Khusrin menjadi terkenal selepas JAIS menahan bekas mufti Perlis Dr Mohd Asri Zainul Abidin pada 1 November 2009 atas alasan mengajar tanpa tauliah.

Mohd Khusrin juga terus menerima kritikan daripada pelbagai sudut dalam isu 'upacara telan air ludah ustaz' dan isu ahli parlimen DAP Teo Nie Ching memasuki sebuah surau di Kajang.

Terbaru, JAIS sedang menguruskan kes kontroversi melibatkan tangkapan besar-besaran pengamal Syiah pada 15 Disember lalulu.

Antara peristiwa itu dijadikan alasan untuk mempertikaikan kelayakan beliau menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri yang mencetuskan kontroversi baru.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/151941>